

SOALAN NO: 23

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DR. ISMAIL BIN DAUT [MERBOK]**

**TARIKH : 10 Ogos 2017**

**SOALAN : 23**

**YB Dr. Ismail Bin Daut [Merbok]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengkaji semula caj rawatan pergigian bagi membantu golongan yang kurang berkemampuan untuk menikmati rawatan yang lebih selesa.

**Tuan Yang Di Pertua,**

Seperti yang kita sedia maklum, caj bagi prosedur pergigian sedia ada dalam Perintah Fi (Perubatan) belum pernah dikaji semula semenjak ia diwartakan pada 1 Disember 1982. Justeru, caj rawatan pergigian telah dikaji selaras dengan perkembangan teknologi dan kepakaran serta seiring dengan arus pemodenan negara pada 2017.

Dalam Perintah Fi(Perubatan) Pindaan 2017, kajisemula caj pergigian hanya melibatkan pengurangan subsidi bagi pesakit **Kelas 1 dan Kelas 2**

manakala caj rawatan pergigian sedia ada bagi pesakit **kelas 3** adalah **dikekalkan**.

Walaupun sememangnya terdapat keperluan kenaikan caj bagi prosedur rawatan sedia ada, Kerajaan terus komited memberi subsidi yang tinggi kepada rakyat termasuk rawatan pesakit luar yang dinikmati lebih ramai pesakit berbanding dengan pesakit dalam. Justeru, setelah mendapat pengecualian khas dari Ketua Setiausaha Perbendaharaan, caj rawatan pergigian sedia ada bagi **pesakit luar juga dikekalkan** misalnya pesakit luar hanya perlu membayar sekadar RM2 untuk penskaleran dan penggilapan gigi (scaling/cuci gigi), RM2 untuk tampalan gigi dan RM1 untuk cabutan gigi.

Pengecualian bayaran bagi golongan tertentu termasuk **mereka yang kurang berkemampuan** juga dikekalkan berpandu kepada tatacara yang telah digariskan. Ini menunjukkan Kerajaan sememangnya terus komited untuk memberi perkhidmatan dan rawatan kesihatan berkualiti tinggi pada kadar yang berpatutan kepada semua Rakyat Malaysia.